



**KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA  
REGISTRAR GENERAL  
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

Jabatan Pengajian Tinggi  
Department of Higher Education  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88704090/6381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>  
(Official Portal)

Ruj. Kami: JPT/GS 1000-610 Jld. 3 ( 13 )  
Tarikh : 16 Januari 2014

## **SEMUA KETUA EKSEKUTIF IPTS**

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

### **SURAT MAKLUMAN KEBENARAN MELAKSANAKAN MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) OLEH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) SELEPAS MENDAPAT KELULUSAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling PPTS Bil 2/2013 Penyelarasan Kursus Mata Pelajaran Wajib Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) (JPT/GS 1000-606 Jld. 1 (25)) dan surat penjelasan Pekeliling (JPT/GS 1000-606 Jld. 1 (30)) adalah berkaitan.

2. Sebagai makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan pelaksanaan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) bagi menggantikan Matapelajaran Wajib (MPW) ke atas semua IPTA, IPTS dan Politeknik bagi pelajar bermula dari kohort pertama September 2013. Sehubungan itu, amalan am adalah kesemua IPTS perlu memohon kelulusan penawaran matapelajaran pengajian umum daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi pelaksanaan penawaran MPU dan mengemukakan permohonan pindaan butiran surat kelulusan pengendalian kursus pengajian

tersebut daripada KPM sebelum boleh ditawarkan di IPTS masing-masing.

3. Dalam hal ini, bermula dari 2 Januari 2014, semua **IPTS dibenarkan untuk melaksanakan penawaran MPU sebaik sahaja mendapatkan kelulusan daripada MQA.** Walau bagaimanapun, IPTS perlu mengemukakan permohonan pindaan butiran surat kelulusan pengendalian kursus pengajian tersebut kepada Bahagian Pendaftaran dan Piawaian (BPP), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dalam **masa enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan MQA.** Kebenaran ini merupakan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian Kementerian dan melancarkan lagi pelaksanaan penawaran MPU di IPT.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./ Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' PROF. DR. MORSHIDI BIN SIRAT)**  
Ketua Pendaftar  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha

Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)  
YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
(u/p: Pn. Salwani Bt Abdullah)

Semua Pengarah Bahagian  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia